

**Identiti budaya etnik Palau' di Semporna, Sabah: Konservasi, adaptasi dan
transformasi budaya**

ABSTRACT

Persoalan berhubung identiti budaya adalah intipati utama penyelidikan ini. Walaupun aspek identiti budaya sering kali disajikan kepada umum, bagi penulis wacana berhubung terminologi ini amat menarik untuk dikaji dan dibincarkan kerana ia mempunyai hubungan rapat dengan pelbagai aspek kehidupan manusia di dunia ini. Menurut Lustig & Koester (2003); Klyukanov, (2005), identiti budaya merujuk kepada rasa keahlian terhadap budaya tertentu.